



## Perutusan Presiden

Sudah hampir tiga tahun Suara Veteran RTM tidak menemui kita lantaran menghadapi serba serbi kekurangan khususnya tenaga, bahan, dana dan masa. Setiap kita walaupun telah meninggalkan pekerjaan tetap tetapi terikat pula dengan kerja-kerja *consultancy*, aktiviti komuniti atau urusan keluarga masing-masing. Tidak kurang juga yang sudah tidak berupaya kerana menghidap pelbagai penyakit tua. Kini, dengan berbekalkan semangat, azam dan iltizam Suara Veteran RTM kembali menemui kita semula. Diharap dengan komitmen daripada semua, buletin ini akan dapat mengekalkan hayatnya.

Tahun 2007 sudahpun lama berlabuh. Pelbagai peristiwa suka duka terlakar di sepanjang tahun itu. Elok juga kita imbas kembali perkembangan persatuan yang kita anggotai ini. PVRTM kini dianggotai oleh 250 ahli. Dalam masa 12 tahun penubuhannya tidak banyak kemajuan yang dapat dicapai khususnya dalam memberikan kebajikan kepada ahli-ahli. Matlamat untuk mengeratkan hubungan di kalangan para pesara belum begitu berkesan kerana masih ramai rakan-rakan pesara yang belum menjadi ahli. Di antaranya tidak diketahui alamat tempat tinggal atau nombor telefon untuk dihubungi dan ada juga yang telah dikir imkan borang keahlian tetapi senyap begitu saja.

Matlamat untuk melibatkan diri dalam perniagaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persatuan jelas tidak kesampaian kerana terlalu banyak halangan dan cabaran. Justeru kita telah mengambil keputusan untuk menutup saja Syarikat Perpetual Ventures Sdn Bhd. Begitu juga dengan saham ahli-ahli dalam Radio Wanita yang mana sebahagiannya telahpun ditebus balik.

Hasrat untuk berkongsi pengalaman dengan Penyiar Baru baik di radio atau TV juga tidak memberangsangkan

kerana adanya struktur pemograman dan stail persembahan yang terkini. Mujur juga Radio Klasik Nasional mem-

barang cadangan, jangan teragak-agak untuk dikemukakan kepada saya supaya dapat dihalusi dan dilaksanakan.



Kawan-kawan kumpulan Breakfast Club bertemu kembali sambil makan tengah hari di Amcorp Mall, Petaling Jaya 26 Ogos lallu..

bukakan ruang DJ Veteran bersiaran melalui slot Masihkah Kau Ingat. Hakikatnya kita harus menerima kenyataan bahawa kita sekarang sudah menjadi "orang lama"

Walau bagaimanapun semangat keakraban di kalangan kita masih kental dan segar. Ini terbukti dengan program Temu & Jamu yang diadakan sebulan sekali yang menghimpunkan kita dalam suasana mesra, berbual dan berbicara sambil menikmati juadah yang disediakan. Semangat demikian rasanya boleh dikembangkan bagi membantu rakan-rakan yang menjadi pengusaha seperti pembekal makanan atau perkhidmatan lainnya.

Kini kita sedang berusaha untuk menyusun pelbagai aktiviti bagi mengaktifkan dan merencanakan Persatuan. Justeru itu sekiranya anda mempunyai se-

Akhir sekali, saya dan barisan AJK PVRTM penggal 07-09 mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

**DI DALAM:**  
Dari Meja Pengarang..ms2  
Pantun Jenaka Raya..ms2  
Nostalgia..ms3  
Raya Lepas..ms4

Terbitan  
Jawatankuasa Penerangan PVRTM  
Ketua Editor: Chin Then Shoong  
Rekaletak: TMA Bustaman

# Dari Meja Pengarang

Sudah genap 12 tahun semenjak penubuhannya Persatuan Veteran RTM (PVRTM) pada tahun 1995. Tempuh itu bukanlah satu tempuh yang pendek. Justeru itu, bagi seorang insan, bermakna ia sudah sampai tahap cukup umur / baligh untuk menghadapi apa juga cabaran atau sanggup menceburi pelbagai bidang dalam kehidupan.

Begitulah dengan PVRTM.

Tidak dapat dinafikan PVRTM masih belum mempunyai apa kedudukan yang sepatutnya diperolehi sejajar dengan namanya. Sebenarnya, kewujudan PVRTM itu tidak disedari oleh pihak-pihak yang sepatutnya biarpun oleh orang awam. Kenapa begitu? Adakah PVRTM sudah matang? Adakah kita bersiap sedia untuk membuat sesuatu yang lebih bermakna untuk semua ahli yang pernah berkhidmat di RTM? Mereka yang pernah mengorbankan usia muda yang paling penting dalam sepanjang hayatnya untuk RTM, untuk negara yang dicintai.

Ramai daripada kita telah meninggal dunia. Pergi secara senyap-senyap tanpa apa-apa kesan atau jejak. Mungkin perkhidmatan mereka telah dilupakan, apatah lagi nama mereka! Walau bagaimanapun, mengenang rakan seperjuangan pada suatu masa dulu bukanlah satu tujuan yang tunggal untuk PVRTM. Kita harus mempunyai visi untuk jangka panjang.

Yang pertama sekali, kita terdiri daripada kalangan veteran RTM yang mempunyai pengalaman yang pada suatu ketika dulu dianggap sangat memanfaatkan Negara. Adakah pengalaman kita itu dilenyapkan bersama dengan persaraan kita?

Tentu Tidak.

Kalau tidak, tentulah pengalaman kita itu boleh digunakan lagi. Akan tetapi, bagaimana tenaga itu boleh diserapkan dan dalam bidang mana yang difikirkan sesuai dan sejajar dengan pengalaman kita? Apa peranan yang boleh kita mainkan? Soalan pokoknya: Apakah pihak berkenaan memandang tinggi tentang pengalaman veteran?

Memang ada orang yang berpendapat bahawa pengalaman veteran itu sudahpun ketinggalan zaman atau *out of date*, tidak boleh dipakai lagi dan harus dibuang dalam lautan kerana tidak sesuai dengan zaman moden yang begitu pantas dan canggih. Pada hemat saya, pandangan itu memang tidak kena atau prasangka terhadap semua pesara.

Sebenarnya, sikap kita sendiri yang menentukan samaada kita sudah ketinggalan zaman atau sebaliknya. Sekiranya seseorang itu tidak memberi perhatian atau tidak berminat dalam apa juga topik semasa maupun bidang penyiaran terutamanya di dalam atau luar negara sudah tentulah mereka akan ketinggalan tanpa mengira usianya atau kedudukannya, samaada sudah bersara ataupun belum.

Begitulah zaman baru yang kini wujud di dalam *global village* atau kampung dunia. Satu zaman canggih yang kita hadapi dengan pelbagai cabaran dan persaingan! Terpulanglah kepada individu. Kita masih berkemampuan untuk menyumbang kepada rakyat dan negara.

Dengan persepsi atau sikap yang demikian, saya berpendapat kita masih boleh menyumbang, meskipun sedikit, kepada bidang yang pernah kita ceburi itu, untuk masyarakat dan negara pada keseluruhannya.

Kami ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Hj Mohd. Helan Abu yang terpilih semula menjadi Presiden dan Tn Hj Abd Majid Kayat sebagai Timbalan Presiden. Juga diucapkan tahniah kepada semua ahli jawankuasa yang baru. Semoga dengan munculnya beberapa muka baru PVRTM akan menjadi satu persatuan yang dinamik dan berwibawa.

Selamat menyambut Hari Raya kepada semua.

**TS Chin**

**Ketua Pengarang**

## PANTUN JENAKA RAYA

Gulai tempoyak ikan mayong  
Deroyan busok ditebok tupai  
Pandu hemat ingat kampung  
Asal teman selamat sampai

Nasi kandaq kedai mamak  
Anak mami jual pesemboq  
Lepas raya usah dok triak  
Kalu ceti mai ikut dapok

(Dipetik oleh: BEE TEE)

## NOSTALGIA HARI RAYA 'IDIL-FITRI

Gema takbir memecah hening pagi  
Suara berkumandang memuji kebesaran ILAHI

Tersentak daku dari lamunan ke  
Menitis airmata rintihan kalbu

Terkenang daku di masa silam  
Semasa Ayah dan Ibu bersama sarapan

Pagi Raya penuh harapan dan keriangian  
Kini daku mengimban seribu kenangan

Berlalu Raadhan memilukan hati  
Setelah Sebulan muhasabah diri  
Raya menjelang tanda kejayaan  
Semoga diberkati Allah sepanjang zaman

Kini kita bergembira di Hari Raya  
Bertemu sanak dan saudara  
Bermaaf-maafan perlu dipinta  
Insha Allah hidup berbahagia

oleh: HJ. BAHARIN TAHIR)

# Nostalgia

While reminiscing the good old days of RTM when I was serving in Schools Broadcast in the seventies, a face wearing a pair of spectacles comes vividly into my mind --- the late Tuan Haji Mokhtar Daud. A dynamic, jovial, friendly man, ever ready to give you a lift when you were down and a pat on the back when you have done well both for official duties or personal problems. Haji Mok, as he was popularly known, would always cheer us up and like to see us eventually succeed in our career. A true Malaysian in his own style, he paid personal attention to the welfare of his subordinates so much so that sometimes he landed himself in unexpected cross-fire all for the sake of speaking up for his staff and taking drastic steps to solve problems with the bosses.

To flash back, Haji Mokhtar was one of the earliest pioneers involved in the initial planning stage of Educational Television (ETV) in 1972. He was then the head of Schools Broadcast, Ministry of Information. He and a few others from the Ministry of Education slogged day and night for the deadline to launch ETV, which included the fundamental set up like temporary office at Jalan Ampang, TV hardware such as studios and vans, broadcast and engineering equipment, personnel to be seconded to ETV and the transfer of a few key and experienced officers in the Ministry of Education to this new Educational Broadcasting Media organization.

D. Geoffrey and I were the two handpicked broadcast personnel from Schools Broadcast in ETV. We were given the opportunity to explore this new field of ETV. I believe my training in ETV NHK Japan prior to the appointment was the main factor for Haji Mokhtar's decision to place me as one of the first few producers in this brand new educational medium. No matter how, I was prepared to walk the extra miles to succeed in this brand new undertaking.

I remember that particular day when Haji Mokhtar in his usual self said in a serious yet joking manner advised me:

"Chin, I hope you will not fail me .

I have stuck my neck out, you see."

Frankly speaking, I was quite nervous at that moment. Timidly I answered,

"I will do my very best and not fail you, Tuan."

A bit worried though in this uncharted and new field but I was willing to

face all eventualities.

Producing Modern Mathematics TV programmes was a new burden on my shoulder at the Jalan Ampang Studio. Turning something abstract to visuals, passing on Mathematical concepts to the viewers so that they can grasp the finer points of Mathematics is certainly not an easy task for me. Research, reference books and hundreds of ringgit on information had to be spent personally to equip myself in order to understand the philosophy and complexities of Modern Mathematics. In short, I invested time and energy plus a lot of soul searching in finding the effective ways to visualize them on TV.

My efforts and dedication did not go unnoticed. With a bit of luck and the help and co-operation from my dedicated team, my ETV programme "Coordinates" for Secondary Schools won an International Special Award in 1974 in Tokyo, Japan.

The first person to whom I released the good news was Haji Mokhtar.

"Tuan, I have not failed you. Your neck is safe".

His joyful laugh in his usual style shook the room.

A personalized congratulatory note from the then Director General of RTM En Dol Ramli ( now Tan Sri ) added joy and happiness to my achievement. This gave confidence and tremendous encouragement to a young producer like me. In his letter, he said:

" Though the programme entered in the name of the Ministry of Education, we feel proud of you as you are staff of RTM!"

That is Tan Sri Dol Ramli ! A boss whom I greatly admired.

Back to RTM in 1974 after my ETV advanced Course in London, and by coincidence, I had the opportunity to once again work under Haji Mokhtar who became my immediate boss as Director of Radio and TV Programmes. After five years I was promoted as Ketua Bahagian Rancangan to serve in the East Coast stationed in RTM ,Kuala Terengganu. Until now, I still have Tuan Haji Mok's words ringing in my ears.

"Do you think you can survive in the East Coast? You have to mix well with the local people there, you know."

I did the best I could to perform my duties not forgetting the help and support from my colleagues, especially from Terengganu-born Tengku Mohd Ali, who was then heading RTM Kuantan.

My four years' service in RTM Kuala

Terengganu did not disappoint Haji Mokhtar. When I was transferred back to Angkasapuri I went straight to see Haji Mokhtar . He was very happy to hear that I received a PJK medal from the State Government. He even quoted what he said to me before I left for Kuala Terengganu in his Special Column in Berita Harian.

"Chin, kalau kau gagal, saya pun gagal. Kalau kau berjaya dalam lautan Melayu, negara kita sudah tentu berjaya."

I was touched by his words.

As fate would have it, all good human have to go one day. In 1988, Haji Mokhtar passed away peacefully after contributing tremendously to the broadcasting industry in this country. I visited him at the hospital just two days before he left this world of mortal earth. Puan Hajjah Maimunah, his beloved wife whispered in his ears : "Bang, bang! See who has come to see you . It's Chin. Open your eyes if you can hear me." Haji Mokhtar slowly moved his eyelids. He did not say a word. But I could see his eyes sparkled ..... and my heart broke in silence , knowing fully Haji Mok has all of us in his rest in peace soul.

## Mesra Raya Veteran RTM

\* Satu Majlis Perjumpaan dan Makanan bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri telah diadakan di Hotel Puteri Sungai Penchala pada 7hb November 2007. Jumlah 50 orang veteran termasuk Dato Abdullah Mohammad, mantan ketua Pengarah Penyiaran, Dato Zain Hamzah, Dato Aziz Singah & isteri, Tengku Annuar, Tengku Asri serta ahli-ahli Jawatan Kuasa PVRTM terdiri daripada berbilang kaum telah hadir bersama-sama untuk menjayakan majlis riangria itu. Gambar-gambar berikut menunjukkan sebahagian ahli yang sedang bergaul dengan rakan-rakan yang pada satu ketika dahulu pernah berjuang bersama-sama di RTM.



*Teman-teman berbilang kaum menghadapi masalah memilih makan kerana pilihannya terlalu banyak!*



*Selepas makan ada karaoke. Norlela dan Helan berduet lagu P.Ramlee & Saloma.*



*Ramai yang dapat hadiah "Cabutan Bertuah" termasuk Allan. Hadiah disampaikan oleh Dato' Abdullah.*